

01/01/1999

Pendapat semua pihak didengar sebelum lantik TPM

ALOR STAR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau akan mengambil kira pandangan semua pihak sebelum melantik timbalannya yang kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September lalu.

"Ada orang minta saya lantik Timbalan Perdana Menteri dan ada juga pandangan bahawa saya harus membenarkan proses pemilihan dalam parti."

"Saya dengar semua (pandangan) itu," kata Perdana Menteri selepas majlis berbuka puasa dan solat Maghrib berjemaah di Kem Tentera Tok Jalai, Kepala Batas dekat sini, malam ini.

Turut hadir, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid dan Panglima 6 Briged, Brig Jen Sulaiman Yusuf.

Ditanya sama ada pelantikan itu akan dibuat dalam tempoh terdekat, Dr Mahathir berkata:

"Saya masih fikir...awak boleh dengar otak saya berpusing, memikirkan perkara ini," katanya.

Mengulas penubuhan Pergerakan Keadilan Sosial (Adil) pimpinan isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Perdana Menteri berkata, ia adalah hak beliau untuk berbuat demikian selagi tidak menyalahi undang-undang.

Mengenai pendaftaran Adil sebagai pertubuhan sosial dan bukannya parti politik, Dr Mahathir berkata:

"Mereka tahu dalam bidang politik mereka tak akan berjaya."

"Ada yang daftar sebagai syarikat dan ada juga yang daftar di bawah pertubuhan sosial. Sepatutnya buat kerja kebajikan tetapi mereka menggunakannya untuk menghasut orang."

"Tak ada yang positif langsung yang mereka katakan mengenai negara walaupun mereka hidup dalam senang-lenang."

"Mereka menggunakan orang untuk memaki hamun dan saya sedih dengan perkara ini," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan sebelum majlis berbuka puasa itu, Dr Mahathir memuji pasukan keselamatan kerana menjalankan tugas secara profesional dengan tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Perdana Menteri berkata, tidak semua negara bernasib baik seperti Malaysia yang mempunyai pasukan keselamatan yang menjalankan tanggungjawab dengan tertib, disiplin dan mengikut peraturan ketenteraan.

"Ada negara yang pasukan keselamatannya memihak kepada kerajaan atau pihak tertentu seperti parti politik sehingga menyebabkan pasukan keselamatan itu sukar menjalankan tanggungjawab dengan sempurna sehingga boleh menjejaskan keselamatan negara," katanya.

(END)